

BAB TIGA

POLITEKNIK: SEJARAH DAN SUMBANGANNYA DALAM PENDIDIKAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan sejarah penubuhan politeknik di Malaysia serta latar belakang Politeknik Kota Melaka sebagai lokasi dalam kajian ini. Selain itu, pengenalan Jabatan Pengajian Am sebagai jabatan yang melaksanakan dan menyelaras Kursus Pendidikan Islam di politeknik ini juga dibincangkan. Turut diterangkan tentang kurikulum Kursus Pendidikan Islam dalam sistem pengajian di politeknik.

3.2 Sejarah Penubuhan Politeknik

Asas penubuhan politeknik di negara ini tercetus dengan penubuhan sekolah aliran teknik dan vokasional. Ianya bermula pada tahun 1906 apabila Sekolah Teknik Treacher¹ ditubuhkan di Kuala Lumpur yang bertujuan untuk melatih juruteknik-juruteknik bagi jabatan-jabatan teknik kerajaan.² Matapelajaran berbentuk praktikal seperti menyimpan kira-kira, menganyam bakul dan pertukangan kayu mulai diajar di beberapa buah sekolah rendah mulai 1920-an. Akhirnya pada tahun 1926, sebuah sekolah pertukangan yang

¹ Sekolah Teknikal Treacher memulakan operasinya di Weld Road (sekarang dikenali sebagai Jalan Raja Chulan), Kuala Lumpur. Nama sekolah ini diambil sempena nama Sir William Treacher, Residen General Negeri-Negeri Malaya Bersekutu. Pada tahun 1942, sekolah ini dinaik taraf kepada maktab dan dinamakan Maktab Teknik yang terletak di Gurney Road (sekarang dikenali sebagai Jalan Semarak)., Pada tahun 1972 Maktab Teknik diiktiraf secara rasmi sebagai Institut Teknologi Kebangsaan dan kemudian pada tahun 1975, Institut Teknologi Kebangsaan diubah namanya menjadi Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Lihat Habibah Zon et al. (1987), *Hari Ini Dalam Sejarah*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, h. 225-227; Lihat *Brief History of UTM*, <http://www.utm.my/aboututm>, 20 April 2010.

² Shahril @ Charil bin Marzuki, Habib bin Mat Som (1999), *Isu Pendidikan di Malaysia: Sorotan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd., h. 108.

pertama telah ditubuhkan untuk pelajaran pertukangan yang memberi kursus-kursus asas kepada mekanik, juruelektrik dan tukang kayu. Selepas merdeka, pendidikan teknik terus mendapat perhatian pihak kerajaan apabila satu bahagian pendidikan teknik ditubuhkan di bawah Kementerian Pelajaran pada tahun 1964. Bahagian ini bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan semua rancangan dan pendidikan teknik dan vokasional dalam negara.³

Pada tahun 1969, politeknik yang pertama iaitu Politeknik Ungku Omar telah ditubuhkan di Ipoh, Perak. Penubuhannya adalah hasil cadangan Jawatankuasa Perancangan Pelajaran Tinggi atau dikenali juga dengan Laporan Khir Johari pada tahun 1967.⁴ Penubuhan politeknik ini bertujuan untuk mengeluarkan tenaga kerja mahir di peringkat separa profesional dalam bidang teknik dan perdagangan.⁵ Selain itu, kekurangan ahli-ahli teknik yang berkelayakan untuk perusahaan-perusahaan serta kekurangan kakitangan yang berkelayakan bagi membantu urusan-urusan perniagaan juga menjadi pendorong kepada penubuhan politeknik.⁶

Pengambilan pertama pelajar Politeknik Ungku Omar pada tahun 1969 adalah seramai 290 orang. Antara kursus-kursus yang ditawarkan ketika itu adalah seperti Ilmu Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Jentera, Kursus Perdagangan dan Ilmu Perniagaan. Kelayakan masuk ke politeknik ketika itu ialah menggunakan Sijil Pelajaran Malaysia.⁷

³ Kementerian Pelajaran Malaysia (1970), *Pelajaran di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 62.

⁴ Suffean Hussin (2004), *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem & Falsafah*, Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 41.

⁵ Kementerian Pelajaran Malaysia (1979), *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 62.

⁶ Kementerian Pelajaran Malaysia (1970), *op.cit.*, h. 107.

⁷ *Ibid.*

Malaysia Certificate of Education atau Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia. Selain itu, pemohon juga perlu mendapat kepujian dalam beberapa matapelajaran tertentu.⁸

Kedudukan politeknik sebagai sebuah institusi pengajian adalah tertakluk di bawah Akta Pelajaran 1961. Institusi lain yang termasuk dalam akta ini antaranya ialah Institut Teknologi Mara dan Kolej Tunku Abdul Rahman.⁹ Walau bagaimanapun, kedudukan politeknik sebagai sebuah institusi pengajian tinggi tidak dinyatakan secara khusus dalam akta tersebut¹⁰ sehingga wujudnya Akta Pendidikan 1996 yang menyatakan secara khusus berkaitan politeknik seperti yang tertera pada Seksyen 34 (1) (c):¹¹

“34. Institusi pendidikan lain.

- (1) *Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Menteri boleh menubuhkan dan menyenggarakan institusi pendidikan yang berikut:*
- (a) *maktab-maktab, selain daripada maktab-maktab yang bertaraf Universiti atau Kolej Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971;*
 - (b) *sekolah khas;*
 - (c) *politeknik; dan*
 - (d) *apa-apa institusi pendidikan lain, yang penubuhannya atau penyengaraannya tidak diperuntukkan di bawah Akta ini atau Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.”*

Pada peringkat awal, pengurusan politeknik berada di bawah Bahagian Pengurusan Politeknik, Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pendidikan Malaysia. Selepas pemisahan Kementerian Pendidikan Malaysia kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2004, pengurusan politeknik

⁸ Kementerian Pelajaran Malaysia (1979), *op.cit.*, h. 62.

⁹ *Ibid.*, h. 61.

¹⁰ Kementerian Pengajian Tinggi (2006), *Laporan Jawatankuasa Mengkaji, Menyemak dan Membuat Perakuan Tentang Perkembangan dan Hala Tuju Pendidikan Tinggi Malaysia Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia: Langkah-langkah ke Arah Kecemerlangan*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi, h. 27.

¹¹ Lembaga Penyelidikan Undang-undang (2003), *Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) & Peraturan-peraturan terpilih : hingga 15hb Disember 2003*. Petaling Jaya: Internatioanal Law Book Services, h. 29.

diletakkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.¹² Bermula tahun 2005, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) ditubuhkan bagi menjalankan pengoperasian dan pengurusan politeknik dan kolej komuniti. Di bawah pentadbiran JPPKK, terdapat dua bahagian pengurusan iaitu Bahagian Pengurusan Politeknik yang menguruskan hal ehwal politeknik dan Bahagian Pengurusan Kolej Komuniti yang menguruskan hal ehwal kolej komuniti. Bermula 1 September 2007, Bahagian Pengurusan Politeknik dikenali sebagai Sektor Pengurusan Politeknik.¹³ Sektor Pengurusan Politeknik sekali lagi bertukar nama kepada Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) mulai 16 September 2009. JPP berperanan untuk memastikan keperluan tenaga kerja negara tahap separa profesional dan eksekutif pertengahan dapat dipenuhi secara bersepada mengikut kehendak industri.¹⁴

Pada awal penubuhannya, kursus-kursus di politeknik memberi tumpuan kepada kursus juruteknik dan beberapa kursus yang lain termasuk perakaunan, teknologi galian, pengajian tanah dan trengkas. Selaras dengan perkembangan pesat pembangunan negara dan bagi menampung jumlah pelajar yang semakin meningkat, sehingga April 2010 sejumlah 27 politeknik (Jadual 3.1) sedang beroperasi dengan enrolmen semasa seramai 88,884 orang pelajar.¹⁵ Sehingga kini politeknik-politeknik ini telah menghasilkan seramai 320,658 orang¹⁶ graduan pada peringkat diploma dan sijil dalam bidang kejuruteraan, teknologi, perdagangan dan perkhidmatan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), sebanyak tujuh politeknik dibangunkan bagi menampung tambahan

¹² Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (2007), *Prospektus Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi, h. 1.

¹³ Laman Rasmi Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Pengajian Politeknik, <http://www.politeknik.edu.my>, 20 April 2010.

¹⁴ Jabatan Pengajian Politeknik (2009), *Hala Tuju Transformasi Politeknik*. Seri Kembangan: Kementerian Pengajian Tinggi, h. 18.

¹⁵ Jabatan Pengajian Politeknik (2010), *Quick Facts*. Seri Kembangan: Kementerian Pengajian Tinggi, h. 11.

¹⁶ *Ibid.*, h. 33.

enrolmen sebanyak 16,800 orang pelajar. Walau bagaimanapun, pembinaan politeknik baharu masih lagi tidak dapat memenuhi permohonan yang diterima, iaitu sebanyak 142,000 pemohon berbanding dengan jumlah tempat yang disediakan setiap tahun sebanyak 42,000 tempat.¹⁷

Jadual 3.1: Senarai Politeknik dan Tahun Penubuhan¹⁸

Bil	Politeknik	Tahun Penubuhan
1	Politeknik Ungku Omar, Perak	1969
2	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Pahang	1976
3	Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah	1987
4	Politeknik Kota Bharu, Kelantan	1988
5	Politeknik Kuching Sarawak	1989
6	Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan	1990
7	Politeknik Kota Kinabalu, Sabah	1996
8	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor	1997
9	Politeknik Johor Bahru, Johor	1998
10	Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang	1998
11	Politeknik Kota Melaka, Melaka	1999
12	Politeknik Kota Kuala Terengganu, Terengganu	1999
13	Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Terengganu	2001
14	Politeknik Merlimau, Melaka	2002
15	Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak	2002
16	Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kedah	2002
17	Politeknik Sultan Idris Shah, Selangor	2003
18	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis	2003
19	Politeknik Muadzam Shah, Pahang	2003
20	Politeknik Mukah, Sarawak	2004
21	Politeknik Balik Pulau, Pulau Pinang	2007
22	Politeknik Jeli, Kelantan	2007
23	Politeknik Nilai, Negeri Sembilan	2007
24	Politeknik Banting, Selangor	2007
25	Politeknik Mersing, Johor	2008
26	Politeknik Hulu Terengganu, Terengganu	2008
27	Politeknik Sandakan, Sabah	2008

¹⁷ Jabatan Pengajian Politeknik (2009), *op.cit.*, h. 18.

¹⁸ Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (2009), *Quick Facts*. Seri Kembangan: Kementerian Pengajian Tinggi, h. 14.

Perkembangan politeknik terus mendapat perhatian pihak kerajaan apabila Kementerian Pengajian Tinggi mengumumkan penubuhan Politeknik Premier sebagai asas kepada pewujudan Universiti Politeknik menjelang tahun 2015. Politeknik yang diiktiraf sebagai Politeknik Premier adalah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Politeknik Ungku Omar dan Politeknik Johor Bahru.¹⁹ Menurut Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Politeknik Premier merupakan ikon kepada keseluruhan sistem pendidikan dan latihan di politeknik. Dengan kemampuan sistem pengurusan dan keupayaan sumber manusia yang dimilikinya, ia akan menjadi asas untuk menaik taraf politeknik kepada Universiti Politeknik. Dengan penarafan itu, Politeknik Premier akan memberi pengkhususan kepada program diploma, diploma lanjutan serta ijazah dan tidak lagi menawarkan program sijil. Politeknik Premier juga akan memberi tumpuan kepada '*niche area*'²⁰ tertentu selain mengamalkan kurikulum yang diguna pakai oleh pihak industri dari semasa ke semasa. Ia juga akan dijadikan sebagai pusat kecemerlangan yang terlibat dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan.²¹

Selain daripada penubuhan Politeknik Premier, satu lagi kategori politeknik akan diperkenalkan iaitu Politeknik Metro. Ianya akan dibangunkan di tengah kota raya dan bakal menjadi tumpuan masyarakat kota dan kalangan yang bekerja. Politeknik Metro akan menawarkan program khusus berdasarkan keperluan persekitaran bandar terutama dalam

¹⁹ *Utusan Malaysia Online*, Februari 26, 2010 “Universiti Politeknik menjelang tahun 2015”. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0226&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_04.htm, 20 April 2010.

²⁰ ‘*Niche area*’ bermaksud bidang tujuan atau pengkhususan yang bertunjangkan kekuatan di setiap politeknik. Ia bertujuan untuk memperkasa, mengembang dan membangunkan politeknik berdasarkan program sedia ada yang dikenalpasti sebagai bidang tujuan (*niche area*). Ia juga merupakan teras kedua dalam Hala Tuju Transformasi Politeknik yang dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri pada Februari 2010 yang lalu. Lihat Kementerian Pengajian Tinggi (2009a), *op.cit.*, h. 41.

²¹ Peratusan Tahun Baru 2010 Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, http://www.portal.mohe.gov.my/portal/page/portal/ExtPortal/MOHE_MAIN_PAGE/NEWSEVENTS/ANNOUNCEMENT/pdf/Amanat%20Tahun%20Baharu%202010.pdf, 20 April 2010; Lihat Kementerian Pengajian Tinggi (2009a), *op.cit.*, h. 40.

bidang perkhidmatan. Setakat ini tiga buah Politeknik Metro yang telah dirancang akan ditubuhkan iaitu Politeknik Metro Kuala Lumpur, Politeknik Metro Kuantan dan Politeknik Metro Johor Bahru.²²

Satu lagi kategori politeknik ialah Politeknik Konvensional. Politeknik Konvensional diperkenalkan adalah usaha untuk menaik taraf politeknik sedia ada kepada Politeknik Konvensional. Politeknik kategori ini menawarkan kepelbagaiannya program pengajian dalam bidang kejuruteraan, teknologi, perdagangan dan perkhidmatan. Ianya dinaik taraf untuk mencapai piawaian yang lebih tinggi selaras dengan hala tuju transformasi politeknik yang telah dilancarkan sebelum ini.²³ Usaha ini juga adalah langkah ke arah memartabatkan politeknik agar menjadi pilihan utama para lepasan SPM dan dilihat sebagai institusi yang sama penting dengan universiti dan institusi-institusi pengajian lain.²⁴

3.3 Latar Belakang Politeknik Kota Melaka

Politeknik Kota Melaka telah ditubuhkan pada 1 Januari 1999 dengan menumpang bangunan Sekolah Menengah Teknik Bukit Piatu, Melaka selama empat bulan. Pada bulan April 1999 Politeknik Kota Melaka telah berpindah ke kampus tetapnya di Plaza Pandan Malim, Balai Panjang, Melaka. Bangunan Politeknik Kota Melaka terdiri daripada 13 unit rumah kedai yang telah dibeli oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Kini dikenali

²² Jabatan Pengajian Politeknik (2011), *Laporan Tahunan 2010*. Seri Kembangan: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, h. 17.

²³ *Ibid.*

²⁴ Perutusan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik Mac 2010, http://polimelaka.edu.my/index.php?option=com_content&task=view&id=718&Itemid=1, 20 April 2010.

sebagai Kementerian Pelajaran Malaysia) dan telah diubahsuai sepenuhnya serta lengkap dengan segala kemudahan asas yang diperlukan oleh sebuah institusi pengajian tinggi.²⁵

Politeknik Kota Melaka merupakan politeknik keselelas yang telah ditubuhkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.²⁶ Pengurusan Politeknik Kota Melaka diketuai oleh seorang Pengarah yang dilantik oleh JPP. Pengarah yang dilantik bertanggungjawab mengurus dan mentadbir perjalanan serta pengurusan institusi ini. Sehingga kini, seramai empat orang pengarah telah mentadbir Politeknik Kota Melaka dan pengarah yang terakhir ialah En. Mohd Hatta Bin Zainal yang telah memulakan tugas pada 18 Mei 2009.²⁷

Terdapat lapan jabatan di Politeknik Kota Melaka yang terdiri daripada enam jabatan akademik dan dua jabatan sokongan. Jabatan akademik terdiri daripada Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Perdagangan, Jabatan Pengajian Am dan Jabatan Matematik, Sains dan Komputer. Manakala jabatan sokongan pula ialah Jabatan Sukan, Kokurikulum & Kebudayaan dan Jabatan Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar.²⁸ Kedua-dua jabatan sokongan ini pada asalnya merupakan sebahagian daripada unit-unit yang berada di politeknik ini yang kemudiannya dinaik taraf menjadi jabatan.²⁹

Selain jabatan akademik dan jabatan sokongan, Politeknik Kota Melaka juga terdiri daripada beberapa pusat dan unit bagi melicinkan lagi pentadbiran di institusi ini. Antara pusat-pusat dan unit-unit yang wujud di institusi ini ialah Pusat Sumber (Perpustakaan),

²⁵ Politeknik Kota Melaka (2008), *Buku Cenderamata Majlis Konvokesyen Politeknik Kota Melaka*. Melaka: Politeknik Kota Melaka, h. 7.

²⁶ Kementerian Pengajian Tinggi (2009b), *op.cit.*, h. 14.

²⁷ Politeknik Kota Melaka, <http://www.polimelaka.edu.my>, 1 Oktober 2009.

²⁸ *Ibid.*

²⁹ Marina Bt Abu Bakar, Ketua Jabatan Pengajian Am. Temubual pada 3 November 2009.

Pusat Multimedia dan Sumber, Unit Pentadbiran dan Kewangan, Unit Perhubungan dan Latihan Industri, Unit Peperiksaan, Unit Kaunseling, Unit Pembangunan, Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan, Unit Pengesanan Graduan, Unit Alumni, Unit Kualiti, Unit Pembangunan dan Senggaraan, Unit Inovasi dan Unit Teknologi Maklumat.³⁰ Unit-unit ini saling berkaitan antara satu sama lain sebagai satu pasukan dalam sesebuah organisasi.

Pada peringkat permulaan, Politeknik Kota Melaka hanya mengendalikan empat kursus pada peringkat sijil dan menerima kumpulan pelajarnya yang pertama seramai 197 orang pada bulan Julai 1999. Pada Sesi Januari 2004, Jabatan Perdagangan telah menawarkan kursus Sijil Penyimpanan Kira. Bermula pada sesi pengajian Julai 2009, Politeknik Kota Melaka telah menawarkan kursus peringkat diploma iaitu Diploma Kejuruteraan Awam.³¹ Politeknik Kota Melaka juga merancang untuk melaksanakan beberapa lagi kursus peringkat diploma pada masa akan datang dan usaha ke arah itu sedang dilakukan oleh pihak pengurusan politeknik ini.³²

Bilangan pelajar di Politeknik Kota Melaka adalah kecil berbanding politeknik-politeknik yang lain. Hal ini kerana jumlah kapasiti paling maksimum yang boleh diterima oleh Politeknik Kota Melaka adalah seramai 1500 orang. Selain itu, tempat penginapan yang agak terhad juga menjadi faktor bilangan yang diterima agak kecil. Jadual 3.2 menunjukkan bilangan pelajar bagi sesi Julai 2009.

³⁰ Politeknik Kota Melaka (2008), *Laporan Tahunan 2007*. Melaka: Politeknik Kota Melaka, h. 7.

³¹ Politeknik Kota Melaka, <http://www.polimelaka.edu.my>, 1 Oktober 2009.

³² Marina Bt Abu Bakar, Ketua Jabatan Pengajian Am. Temubual pada 3 November 2009.

Jadual 3.2: Enrolmen Pelajar Politeknik Kota Melaka Sesi Julai 2009³³

Jabatan	Semester				
	1	2	3	4	Jumlah
Jabatan Kejuruteraan Awam	16	117	37	35	205
Jabatan Kejuruteraan Elektrik	23	59	11	24	117
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal	26	99	34	50	209
Jabatan Perdagangan	14	162	42	41	259
Jumlah	79	437	124	150	790

3.4 Organisasi Jabatan Pengajian Am (Pengendali Kursus Pendidikan Islam)

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Kota Melaka adalah jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan Kursus Pendidikan Islam serta beberapa kursus am yang lain. Jabatan Pengajian Am terdiri daripada dua unit iaitu Unit Pendidikan Islam dan Moral serta Unit Bahasa Inggeris. Jabatan ini diketuai oleh seorang ketua jabatan dan 16 orang pensyarah serta seorang pembantu makmal. Antara kursus yang ditawarkan di bawah jabatan ini selain Kursus Pendidikan Islam ialah Kursus *English For Commercial Purposes*, Kursus *English For Technical Purposes*, Kursus Tamadun Islam dan Kursus Pendidikan Moral. Selain itu, jabatan ini turut menawarkan kursus elektif iaitu Kursus Bahasa Arab yang terbuka kepada semua pelajar.³⁴

Ketua Jabatan Pengajian Am dibantu oleh dua orang Ketua Kursus iaitu Ketua Kursus Unit Pendidikan Islam dan Ketua Kursus Bahasa Inggeris. Tanggungjawab sebagai Ketua Kursus adalah memastikan perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran kursuskursus yang ditawarkan di bawah Unit Pendidikan Islam dan Moral serta Unit Bahasa Inggeris berjalan dengan lancar. Hal ini termasuklah memastikan penyediaan jadual waktu

³³ Politeknik Kota Melaka (2010), *Laporan Tahunan 2009*. Melaka: Politeknik Kota Melaka, h. 57.

³⁴ Politeknik Kota Melaka (2008), *op.cit.*, h. 23.

para pensyarah, menyelaras aras pembinaan soalan untuk penilaian berterusan seperti kuiz, tugas dan ujian serta menyelesaikan masalah-masalah berkaitan kursus di bawah unit ini.³⁵

Tenaga pensyarah di Jabatan Pengajian Am dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Pensyarah-pensyarah yang mengajar Kursus Pendidikan Islam di jabatan ini memiliki kelulusan Sarjana Muda Pengajian Islam dari pelbagai bidang sama ada dari dalam atau luar negara berserta Diploma Pendidikan. Sebahagian daripada mereka memiliki kelulusan Sarjana dalam bidang pengajian Islam. Pensyarah-pensyarah yang tidak memiliki kelulusan Diploma Pendidikan akan diberi kursus berkaitan pedagogi dan andragogi bagi memantapkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Selain itu, para pensyarah juga dilengkappkan dengan program untuk mempersiapkan kebolehan dan ketrampilan mereka sesuai dengan jawatan yang disandang. Semua pensyarah sentiasa dipantau proses pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan tahap pengajaran mereka mengikut standard yang ditetapkan oleh *Malaysian Qualifications Agency* (MQA).³⁶

3.5 Unit Pendidikan Islam dan Moral


Unit Pendidikan Islam dan Moral diketuai seorang ketua yang dikenali sebagai Ketua Kursus. Ketua Kursus dilantik oleh Pengarah Politeknik Kota Melaka berdasarkan kelayakan dan pengalaman untuk suatu tempoh masa tertentu. Sehingga kini, bilangan pensyarah bagi unit ini adalah seramai 5 orang. Unit ini menawarkan kursus-kursus am

³⁵ Marina Bt Abu Bakar, Ketua Jabatan Pengajian Am. Temubual pada 3 November 2009.

³⁶ *Ibid.*

(wajib) seperti Kursus Pendidikan Islam, Kursus Tamadun Islam dan Kursus Pendidikan Moral. Selain itu, unit ini juga menawarkan kursus elektif iaitu Kursus Bahasa Arab.³⁷ Rajah 3.1 menunjukkan organisasi bagi Unit Pendidikan Islam dan Moral di Politeknik Kota Melaka.

Rajah 3.1: Carta Organisasi Unit Pendidikan Islam dan Moral



Bagi memantapkan lagi sahsiah para pelajar, aktiviti pengajaran dan pembelajaran bukan sekadar dilaksanakan di dalam bilik kuliah sahaja malah turut dilaksanakan di luar bilik kuliah. Antara aktiviti yang telah dijalankan selain aktiviti dalam bilik kuliah ialah seperti Lawatan Sambil Belajar, Kursus Pra Perkahwinan dan Kekeluargaan Islam serta Kursus Pengurusan Jenazah. Selain itu aktiviti seperti forum dan persembahan kesenian Islam turut dianjurkan oleh unit ini. Aktiviti-aktiviti tersebut dilaksanakan bertujuan mendedahkan pelajar kepada suasana pembelajaran di luar bilik kuliah. Unit ini turut menganjurkan beberapa kursus untuk para pensyarah seperti Kursus Pembinaan Sahsiah dan Integriti Perkhidmatan Awam serta Bengkel Metodologi Pengajaran & Pembelajaran

³⁷ Zuharyati Bt Yusof, Ketua Kursus Unit Pendidikan Islam/ Moral, Jabatan Pengajian Am. Temubual pada 3 November 2009.

Kursus Bahasa Arab. Ia bertujuan memastikan para pensyarah sentiasa mendapat ilmu dan maklumat yang terkini.³⁸

3.6 Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Kota Melaka

Kursus Pendidikan Islam yang ditawarkan di Politeknik Kota Melaka dan politeknik-politeknik seluruh Malaysia adalah sebahagian daripada kandungan pendidikan umum yang dilaksanakan dalam sistem pengajian di politeknik. Ia bertujuan untuk melahirkan individu atau pelajar yang mempunyai jati diri muslim dan mampu menghadapi pelbagai cabaran hidup serta membentuk sikap positif dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara.³⁹

Kursus Pendidikan Islam merupakan kursus wajib kepada setiap pelajar Muslim yang mengikuti pengajian di politeknik. Kursus ini ditawarkan kepada pelajar semester pertama dan kedua untuk kedua-dua program sama ada peringkat sijil atau diploma. Ianya terdiri daripada dua bahagian iaitu Pendidikan Islam 1 dan Pendidikan Islam 2.⁴⁰

3.6.1 Struktur Kursus Pendidikan Islam

Struktur Kursus Pendidikan Islam telah digubal dan dikemaskini oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Jabatan Pengajian Politeknik dengan dibantu oleh pensyarah-pensyarah Kursus Pendidikan Islam dari beberapa buah politeknik terpilih. Sukatan

³⁸ *Ibid.*

³⁹ Ahmad Mohd Salleh (1986), *Kursus Pendidikan Islam (Buku 1)*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., h. v.

⁴⁰ Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (2006), *Struktur Kursus Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

pelajarannya disediakan bersesuaian dengan pencapaian akademik pelajar. Pelajar semester pertama akan mempelajari Kursus Pendidikan Islam 1 manakala pelajar semester kedua pula akan mengikuti pengajian bagi Kursus Pendidikan Islam 2.⁴¹

Kursus Pendidikan Islam 1 memberi pengetahuan tentang konsep ilmu dan tasawur Islam meliputi aqidah, syariah dan akhlak. Kursus ini memberi penekanan terhadap penghayatan tentang aqidah Islam dan pelaksanaan ibadat-ibadat dalam kehidupan seharian. Kursus ini juga dapat memberi panduan dalam membentuk sikap bertanggungjawab kepada Allah, manusia dan alam. Kursus Pendidikan Islam 2 pula memberi pengetahuan tentang konsep-konsep kekeluargaan, perundangan Islam, sumber-sumber hukum serta cara-cara pengurusan jenazah dalam Islam. Kandungannya memfokuskan cara-cara menangani masalah-masalah kekeluargaan, disamping penerangan tentang perundangan Islam, sumber-sumber hukum dan pengurusan jenazah.⁴²

⁴¹ Noor Asiah Bt Othman, Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Am. Temubual pada 2 November 2009.

⁴² Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (2006), *op.cit.*

Jadual 3.3: Struktur Kursus Pendidikan Islam 1

Topik	Subtajuk
1. KONSEP ILMU	1.1 Konsep dan Pembahagian Ilmu. 1.2 Kewajipan Menuntut Ilmu. 1.3 Hierarki Ilmu (Fardu Ain dan Fardu Kifayah). 1.4 Kelebihan Ilmu dan Ilmuan.
2. TASAWUR ISLAM	2.1 Pengertian Islam Sebagai Satu Cara Hidup. 2.2 Ciri-ciri Kesempurnaan Islam. 2.3 Struktur Islam Sebagai <i>al-Dīn</i> . 2.4 Islam dan Sekularisme.
3. KONSEP AKIDAH	3.1 Pengertian Akidah dan Iman. 3.2 Penghayatan Rukun Iman. 3.3 Hubungan Antara Iman, Islam dan Ihsan. 3.4 Pembahagian Manusia: Mukmin, Muslim, Kafir, Munafik, Fasiq dan Zalim.
4. KONSEP <i>SHAHĀDATAIN</i>	4.1 Makna Syahadah dan Tuntutannya. 4.2 Tauhid <i>Ulūhiyyah</i> dan Tauhid <i>Rubūbiyyah</i> . 4.3 Perkara-Perkara Yang Membatalkan Syahadah.
5. KONSEP JAHILIAH	5.1 Pengertian Jahiliah. 5.2 Ciri-ciri dan Amalan Jahiliah. 5.3 Amalam dan Bahaya Jahiliah Terhadap Umat Islam.
6. KONSEP IBADAH	6.1 Pengertian dan Ruang Lingkup Ibadah. 6.2 Syarat-syarat Amalan Menjadi Ibadah. 6.3 Pembahagian dan Matlamat Ibadah.
7. MANUSIA SEBAGAI HAMBA DAN KHALIFAH ALLAH	7.1 Pengertian Hamba dan Khalifah Allah. 7.2 Peranan dan Tanggungjawab Manusia Sebagai Hamba dan Khalifah.
8. <i>TAHĀRAH</i>	8.1 Konsep <i>Tahārah</i> . 8.2 Jenis-Jenis Najis dan Hadas. 8.3 Menyamak Kulit Binatang.
9. IBADAH-IBADAH KHUSUS	9.1 Sembahyang, Puasa, Zakat dan Haji. 9.2 Peranan Ibadah Khusus Dalam Pembentukan Individu.
10. AKHLAK ISLAM	10.1 Akhlak Terhadap Allah. 10.2 Akhlak Terhadap Rasul. 10.3 Akhlak Terhadap Sesama Manusia. 10.4 Isu-isu Yang Berkaitan Dengan Akhlak.

Jadual 3.4: Struktur Kursus Pendidikan Islam 2

Topik	Subtajuk
1. NIKAH	1.1 Konsep, Matlamat dan Hukum Perkahwinan. 1.2 Memilih Jodoh. 1.3 Perempuan Yang Haram Dikahwini. 1.4 Peminangan dan Pertunangan. 1.5 Mas Kahwin. 1.6 Rukun dan Syarat Perkahwinan.
2. NUSYUZ	2.1 Pengertian Nusyuz. 2.2 Masalah dan Penyelesaiannya.
3. TALAK	3.1 Pengertian Talak. 3.2 Jenis Talak: <i>Bid 'ī-Sunnī</i> (Suasana), <i>Raj 'ī -Bā'in</i> (Kesan), <i>Şariħ-Kināyah</i> (Lafaz). 3.3 Pembahagian Talak: Khuluk, Fasakh dan Taklik.
4. IDAH, RUJUK DAN <i>IHDĀD</i>	4.1 Pengertian dan Pembahagian Idah, Rujuk dan <i>Ihdād</i> .
5. ZIHAR, <i>QADHF</i> , <i>ĪLĀ'</i> DAN <i>LI'ĀN</i>	5.1 Pengertian Zihar, <i>Qadhf</i> , <i>Īlā'</i> dan <i>Li'ān</i> . 5.2 Masalah dan Cara Penyelesaiannya.
6. TANGGUNGJAWAB SUAMI ISTERI	6.1 Tanggungjawab Suami. 6.2 Tanggungjawab Isteri. 6.3 Tanggungjawab Bersama.
7. HADANAH DAN NAFKAH	7.1 Pengertian Hadanah dan Nafkah. 7.2 Tanggungjawab Hadanah dan Nafkah.
8. POLIGAMI	8.1 Pengertian Poligami. 8.2 Syarat-Syaratnya.
9. PENDIDIKAN KEIBUBAPAAN	9.1 Pengertian Pendidikan Keibubapaan. 9.2 Isu-isu Pendidikan Keibubapaan.
10. PERBINCANGAN ENAKMEN KELUARGA ISLAM	10.1 Pengertian Enakmen Keluarga Islam. 10.2 Perbincangan Enakmen Keluarga Islam Negeri.
11. SUMBER HUKUM	11.1 Pengertian al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias.
12. PENGURUSAN JENAZAH	12.1 Tatacara Pengurusan Jenazah.
13. HUKUM JENAYAH ISLAM	13.1 Pengertian Hudud, Qisas, Diat dan Takzir.

Terdapat 10 topik utama bagi Kursus Pendidikan Islam 1 dan 13 topik untuk Kursus Pendidikan Islam 2. Bagi setiap topik, terdapat subtajuk yang menjadi panduan dalam membincangkan topik tersebut. Struktur kursus secara terperinci dinyatakan dalam jadual 3.2 dan jadual 3.3.⁴³

Daripada analisa setiap topik yang terkandung dalam Kursus Pendidikan Islam 1 (Jadual 3.4), ia merangkumi topik-topik yang menjadi kerangka asas kepada pengetahuan agama Islam iaitu akidah, syariah dan akhlak. Kandungan akidah meliputi 40% daripada keseluruhan sukatan kurikulum tersebut. Manakala 35% pula meliputi perkara berkaitan syariah dan 25% berkaitan dengan akhlak Islam. Topik berkaitan akidah atau keimanan diberi penekanan yang lebih berbanding topik syariah dan akhlak memandangkan perkara tersebut merupakan asas yang paling penting yang perlu diyakini oleh setiap umat Islam. Penekanan seterusnya adalah terhadap topik syariah terutama tentang bab ibadah. Manakala topik akhlak yang merupakan natijah dari gabungan akidah dan syariah turut terkandung dalam sukatan Kursus Pendidikan Islam 1. Ketiga-tiga topik ini digabungkan bersama sebagai sukatan dalam Kursus Pendidikan Islam 1 dengan harapan agar pelajar-pelajar yang mengikuti kursus ini memiliki pengetahuan yang jelas terhadap asas kerangka Islam serta dapat menjadikan agama Islam sebagai satu cara hidup.

Jadual 3.5: Peratusan Topik Kursus Pendidikan Islam 1

Pendidikan Islam 1	Peratus (%)
Akidah	40.0
Syariah	35.0
Akhlak	25.0
Jumlah	100.0

⁴³ *Ibid.*

Manakala kandungan Kursus Pendidikan Islam 2 (Jadual 3.5) pula menekankan sebanyak 70% berkenaan topik perkahwinan dan isu-isu berkaitan rumah tangga. Di samping itu masing-masing sebanyak 10% diberi penekanan untuk topik sumber hukum, pengurusan jenazah dan hukum jenayah Islam. Penekanan terhadap topik perkahwinan dan isu-isu berkaitan rumah tangga bertujuan memberikan pengetahuan dan pendedahan kepada para pelajar berkaitan alam perkahwinan memandangkan usia mereka yang sedang menuju ke arah alam tersebut. Ia juga boleh dijadikan persediaan untuk mereka setelah tamat belajar kelak.

Jadual 3.6: Peratusan Topik Kursus Pendidikan Islam 2

Pendidikan Islam 2	Peratus (%)
Kekeluargaan Islam	70.0
Sumber Hukum	10.0
Pengurusan Jenazah	10.0
Hukum Jenayah Islam	10.0
Jumlah	100.0

3.6.2 Jadual Waktu dan Sistem Penilaian Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Kota Melaka

Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Kota Melaka diperuntukkan masa dua jam seminggu untuk tempoh satu semester. Dalam tempoh tersebut, sebanyak 30 waktu (satu waktu bersamaan satu jam) diperuntukkan untuk keseluruhan proses pengajaran dan pembelajaran. Ini bermaksud, kursus ini dilaksanakan selama 15 minggu bagi setiap semester dan dua jam bagi setiap minggu. Jam kredit untuk Kursus Pendidikan Islam ialah sebanyak 1.5 sahaja (Lampiran C). Memandangkan masa yang diperuntukkan adalah terhad, maka isi kandungan yang dapat disampaikan tidaklah begitu terperinci. Walaupun

demikian, penekanan para pensyarah adalah kepada konsep dan dasar pokok ke arah memahami dan mengamalkan Islam secara keseluruhan dalam kehidupan sehari-hari para pelajar.⁴⁴

Berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik, pelajar-pelajar diwajibkan menghadirkan diri mereka ke kuliah. Jika kehadiran didapati kurang daripada 80%, markah penilaian berterusan bagi kursus ini akan terbatal dan mereka akan dianggap gagal dalam kursus ini. Para pelajar diwajibkan lulus dalam penilaian berterusan yang diadakan dan perlu mendapat sekurang-kurangnya 50% daripada markah keseluruhan.⁴⁵ Jika ada antara para pelajar yang gagal dalam kursus ini, mereka perlu mengulang semula kursus ini. Walau bagaimanapun, para pelajar tidak ditetapkan syarat bahawa mereka mesti mendaftar dan lulus Kursus Pendidikan Islam 1 sebelum mendaftar Kursus Pendidikan Islam 2. Ini bermaksud, mereka boleh mendaftar dan menduduki Kursus Pendidikan Islam 2 walaupun masih belum lulus Kursus Pendidikan Islam 1.

3.7 Kesimpulan

Walaupun matlamat utama daripada penubuhan politeknik dalam negara ialah memberi tumpuan kepada aspek pendidikan teknikal bagi melahirkan tenaga kerja mahir dan separa mahir dalam bidang kejuruteraan dan perdagangan, aspek pendidikan kerohanian tidak diabaikan. Hal ini dapat dilihat daripada fungsi dan peranan Jabatan Pengajian Am yang

⁴⁴ Zuharyati Bt Yusof, Ketua Kursus Unit Pendidikan Islam/ Moral, Jabatan Pengajian Am. Temubual pada 3 November 2009.

⁴⁵ Lembaga Peperiksaan Dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik (2007), *Arahan-arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, h. 15.

bertindak sebagai sebuah jabatan akademik dalam menjayakan pelaksanaan Kursus Pendidikan Islam dalam sistem pengajian politeknik di seluruh Malaysia. Dengan pelaksanaan kursus ini, graduan politeknik yang dihasilkan oleh sistem pengajian politeknik bukan sekadar memiliki ilmu berkaitan bidang teknikal malah turut memperoleh ilmu kerohanian sebagai bekal dalam kehidupan mereka.